Utusan Borneo : 25 November 2026

Pemuda didenda RM3,500 atau tiga bulan penjara kerana bermain judi dalam talian di tempat awam

KUCHING: Seorang pemuda berusia 23 tahun dijatuhi hukuman denda RM3,500 atau tiga bulan penjara sekiranya gagal membayar denda di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah bermain judi dalam talian di tempat awam menggunakan telefon bimbit.

Aidit Hikhmal Andi Abdullah Hartoyo yang tidak diwakili peguam, melakukan kesalahan itu di sebuah kedai makan di Sin Sin Park di sini sekitar jam 10.30 pagi pada 14 November 2026.

Mengikut fakta kes, polis semasa Ops Dadu membuat intipan selama 15 minit terhadap kedai tersebut dan seterusnya membuat serbuan.

Keadaan itu menyebabkan beberapa pelanggan yang berada di kedai tersebut melarikan diri, namun polis berjaya menahan Aidit yang ketika itu sedang duduk di hadapan sebuah meja di kaki lima kedai berkenaan.

Pada ketika itu juga, Aidit didapati sedang leka bermain judi dalam talian menggunakan telefon bimbit menerusi aplikasi Mega888.

Susulan itu, selain menahan Aidit, polis turut merampas peralatan dipercayai digunakan untuk aktiviti perjudian berkenaan, termasuk sebuah telefon bimbit dan sekeping keratan kertas mengandungi nombor pengenalan serta kata laluan untuk tindakan lanjut.

Hasil siasatan mendapati Aidit telah bermain judi dalam talian di tempat awam, sekali gus melakukan kesalahan di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman di hadapan Penolong Kanan Pendaftar DK Afiqah Alya AK Johari@PG Johari sementara Aidit tidak diwakili peguam.